**Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam 1200, Isnin, 2 November 2026**

**KEMENTERIAN EKONOMI**
**JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

# SIARAN MEDIA

## BANCI EKONOMI 2026

## Pelaksanaan Banci Ekonomi 2026 selesai dengan 1.33 juta pertubuhan telah dibanci

**PUTRAJAYA, 2 NOVEMBER 2026** – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) memaklumkan bahawa operasi Banci Ekonomi 2026 (BE2026) bagi tahun rujukan 2025 telah **selesai secara rasmi pada 31 Oktober 2026**. Banci yang bermula pada 5 Januari 2026 ini meliputi **lima sektor utama ekonomi**, iaitu Pertanian, Perlombongan & Pengkuarian, Pembuatan, Pembinaan serta Perkhidmatan.

Penemuan awalan BE2026 di lapangan merekodkan **1.33 juta pertubuhan aktif**, merangkumi 99.3 peratus daripada 1.34 juta pertubuhan yang dibanci. Jumlah ini menunjukkan peningkatan berbanding 1.09 juta pertubuhan aktif yang direkodkan dalam BE2023. Walaupun tempoh pembancian di lapangan telah berakhir, namun *mopping-up* akan dilaksanakan dalam tempoh tiga minggu bermula 1 November sehingga 20 November 2026. *Mopping-up* merupakan amalan yang biasa dalam mana-mana pelaksanaan pembancian untuk memastikan semua pertubuhan ekonomi tidak tertinggal daripada liputan banci ini.

Dari segi taburan mengikut sektor, sektor Perkhidmatan mendominasi dengan 1.17 juta pertubuhan (87.5%), diikuti Pembinaan sebanyak 86.2 ribu pertubuhan (6.5%), Pembuatan 61.0 ribu pertubuhan (4.6%), Pertanian 18.3 ribu pertubuhan (1.4%) serta Perlombongan & Pengkuarian 1.1 ribu pertubuhan (0.1%).

Dalam sektor Perkhidmatan, subsektor Perdagangan Borong dan Runcit menyumbang 39.5 peratus daripada jumlah pertubuhan, diikuti Makanan & Minuman (14.2%) dan Perkhidmatan Persendirian & Lain-lain Aktiviti (12.4%). Subsektor Perkhidmatan Kewangan mencatatkan kadar pertumbuhan tahunan tertinggi pertubuhan sebanyak 14.7 peratus, diikuti oleh Penginapan (14.5%), Makanan &

Minuman (6.6%), Pentadbiran & Khidmat Sokongan (6.1%), Profesional (5.5%) dan Hartanah (5.1%).

Dalam sektor Pembuatan, subsektor yang merekodkan jumlah pertubuhan tertinggi terdiri daripada subsektor Produk makanan (19.3%) diikuti subsektor Produk mineral bukan logam, logam asas dan produk yang direka (18.4%) dan subsektor Produk kayu, perabot, keluaran kertas dan percetakan sebanyak 17.1 peratus daripada pertubuhan aktif sektor Pembuatan. Subsektor Produk Elektrik, Elektronik & Optikal mencatatkan pertumbuhan bilangan pertubuhan sebanyak 3.1 peratus berbanding tahun 2022, sejajar dengan inisiatif di bawah Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13) yang memberi penekanan kepada pembangunan industri berpertumbuhan tinggi dan bernilai tinggi (*High Growth High Value*, HGHV) sebagai salah satu bidang tumpuan strategik negara.

Sektor Pembinaan merekodkan sebanyak 86.0 ribu pertubuhan aktif pada tahun 2025, mewakili 6.5 peratus daripada jumlah keseluruhan pertubuhan di Malaysia. Aktiviti Pembinaan Pertukangan Khas mencatatkan sumbangan tertinggi sebanyak 34.4 peratus, diikuti oleh Pembinaan Bangunan Bukan Kediaman (25.8%) dan Kejuruteraan Awam (22.6%).

Industri Agromakanan terus menjadi tumpuan dalam sektor Pertanian, dengan aktiviti Tanaman Makanan merupakan antara penyumbang terbesar, merangkumi 15.2 peratus daripada jumlah keseluruhan pertubuhan dan mencatatkan pertumbuhan sebanyak 17.0 peratus. Aktiviti Ternakan Ruminan Pedaging dan Tenusu merangkumi 4.8 peratus daripada jumlah pertubuhan, dengan pertumbuhan 19.0 peratus, manakala Akuakultur menyumbang 6.7 peratus dengan peningkatan sebanyak 8.3 peratus.

Selangor, W.P. Kuala Lumpur dan Johor merekodkan bilangan pertubuhan aktif tertinggi dengan jumlah keseluruhan 643,355 pertubuhan, merangkumi 48.3 peratus daripada keseluruhan pertubuhan aktif di Malaysia.

BE2026 turut meliputi aktiviti ekonomi informal, termasuk penjaja jalanan, perniagaan bergerak dan rumah percutian. Aktiviti ini merangkumi perniagaan yang beroperasi tanpa premis tetap atau tidak berdaftar dengan mana-mana agensi kerajaan atau badan profesional. Sebanyak 93,597 pertubuhan informal telah dikenal pasti, manakala aktiviti rumah percutian merekodkan sebanyak 71,101 unit.

DOSM memaklumkan bahawa hasil terperinci BE2026 akan diterbitkan pada April 2027, setelah pemprosesan dan analisis data dilaksanakan secara menyeluruh bagi memastikan ketepatan dan kualiti statistik yang dihasilkan. Sehubungan itu, penemuan awal yang diumumkan adalah tertakluk kepada semakan lanjut.

DOSM merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pertubuhan perniagaan, agensi kerajaan, kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan, persatuan industri, masyarakat, petugas banci serta seluruh warga DOSM atas kerjasama dan komitmen sepanjang pelaksanaan BE2026.

**OpenDOSM NextGen** adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal https://open.dosm.gov.my.

**Carta 1: Bilangan Pertubuhan Mengikut Sektor, Banci Ekonomi 2026**

('000)

| Sektor | 2022 | 2025 |
|---|---|---|
| Pertanian | 13.0 | 18.3 |
| Perlombongan & Pengkuarian | 1.4 | 1.1 |
| Pembuatan | 54.5 | 61.0 |
| Pembinaan | 71.1 | 86.2 |
| Perkhidmatan | 951.9 | 1,166.6 |
| **Jumlah** | **1,091.9** | **1,333.2** |

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN**
**JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**
**2 NOVEMBER 2026**

**Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Monday, 2nd November 2026**

**MINISTRY OF ECONOMY**
**DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

# MEDIA RELEASE

## ECONOMIC CENSUS 2026

## Economic Census 2026 completed with 1.33 million establishments enumerated

**PUTRAJAYA, 2ND NOVEMBER 2026** – The Department of Statistics Malaysia (DOSM) informed that the field operations for the Economic Census 2026 (BE2026), covering the reference year 2025, **officially concluded on 31 October 2026**. The Census, which commenced on 5 January 2026, covered **five major economic sectors**, namely Agriculture, Mining & Quarrying, Manufacturing, Construction and Services.

Preliminary findings from the BE2026 recorded **1.33 million active establishments**, representing 99.3 per cent of the 1.34 million establishments enumerated. This marks an increase compared with the 1.09 million active establishments recorded in BE2023. Following the completion of field enumeration, a three-week mopping-up exercise will be conducted from 1 to 20 November 2026. Mopping-up is a standard practice in census operations to ensure comprehensive coverage and that no economic establishments are left out from this census.

In terms of sectoral distribution, the Services sector accounted for the largest share, with 1.17 million establishments (87.5%), followed by Construction with 86.2 thousand establishments (6.5%), Manufacturing with 61.0 thousand establishments (4.6%), Agriculture with 18.3 thousand establishments (1.4%), and Mining & Quarrying with 1.1 thousand establishments (0.1%).

Within the Services sector, Wholesale and Retail Trade represented 39.5 per cent of total establishments, followed by Food & Beverage Services (14.2%) and Personal Services & Other Activities (12.4%). The Financial Services subsector recorded the highest annual growth rate in establishment at 14.7 per cent, followed by Accommodation (14.5%), Food & Beverage (6.6%), Administrative & Support Services (6.1%), Professional (5.5%) and Real Estate (5.1%).

In the Manufacturing sector, subsectors with the highest number of establishments were Food products (19.3%), followed by Non-metallic mineral products, basic metals & fabricated metal products (18.4%), and Wood products, furniture, paper products & printing, which accounted for 17.1 per cent of active establishments in the Manufacturing sector. The Electrical, Electronic & Optical Products subsector recorded a growth of 3.1 per cent in the number of establishments as compared to 2022, in line with the initiatives under the Thirteenth Malaysia Plan (13MP), which emphasised the development of high-growth, high-value (HGHV) industries as one of the country's strategic focus areas.

The Construction sector recorded 86.0 thousand active establishments in 2025, representing 6.5 per cent of the national total. Specialised Construction Activities accounted for the largest share at 34.4 per cent, followed by Construction of Non-residential Buildings (25.8%) and Civil Engineering (22.6%).

The Agri-food Industry remained a key focus within the Agriculture sector, with Food Crops emerging as one of the largest contributors, accounting for 15.2 per cent of total establishments and recording growth of 17.0 per cent. Ruminant and Dairy Livestock accounted for 4.8 per cent of establishments, registering a growth of 19.0 per cent, while Aquaculture represented 6.7 per cent, with an increase of 8.3 per cent.

Selangor, W.P. Kuala Lumpur and Johor recorded the highest number of active establishments, with a combined total of 643,355 establishments, representing 48.3 per cent of all active establishments in Malaysia.

BE2026 also covered informal economic activities, including street vendors, mobile businesses and holiday homes. These activities encompass businesses operating without fixed premises or those not registered with any government agency or professional body. A total of 93,597 informal establishments were identified, while holiday home activities recorded 71,101 units.

DOSM announced that the detailed findings of BE2026 will be published in April 2027, following comprehensive data processing and analysis to ensure the accuracy and quality of the statistics. Meanwhile, the preliminary findings released remain subject to further review.

DOSM extends its sincere appreciation to all business establishments, government agencies, state governments, local authorities, industry associations, members of the public, census enumerators and all DOSM personnel for their cooperation, dedication and commitment throughout BE2026.

**OpenDOSM NextGen** is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through https://open.dosm.gov.my

**Chart 1: Number of Establishments by Sector, Economic Census 2026**

('000)

| Sector | 2022 | 2025 |
|---|---|---|
| Agriculture | 13.0 | 18.3 |
| Mining & Quarrying | 1.4 | 1.1 |
| Manufacturing | 54.5 | 61.0 |
| Construction | 71.1 | 86.2 |
| Services | 951.9 | 1,166.6 |
| **Total** | **1,091.9** | **1,333.2** |

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN**
**DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**
**2 NOVEMBER 2026**